

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
TARIKH / HARI : 02 NOVEMBER 2016 (RABU)

# Penjawat awam perlu jana idea inovatif - Nancy

Oleh **SOFIAN BAHAROM**  
sofian.baharom@utusan.com.my

## ■ PUTRAJAYA 1 NOV.

**P**ENJAWAT awam terutama di Jabatan Perdana Menteri (JPM) diseru supaya berkongsi, menjana dan menghasilkan idea-idea inovasi dan kreatif.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, langkah tersebut penting bagi menambah baik kualiti perkhidmatan serta menjadikannya titik tambah dalam mencapai visi transformasi negara.

"Perkembangan pesat teknologi maklumat, persaingan dalam iklim ekonomi yang semakin mencabar, jangkaan rakyat semakin tinggi telah memberi cabaran besar kepada kerajaan.

"Oleh itu, penjawat awam per-

lu bergerak dengan lebih pantas dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat," katanya ketika berucap menyempurnakan Hari Inovasi dan Kecemerlangan JPM 2016 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM, Tan Sri Othman Mahmood.

Dalam pada itu, Nancy berkata, penjawat awam perlu respon-

sif terhadap segala aduan dan maklum balas yang diberikan oleh rakyat.

Sehubungan itu, proses ke arah memantapkan penyampaian perkhidmatan dengan pendekatan baharu memerlukan komitmen yang tinggi dalam semua peringkat.

"Dalam hal ini, adalah penting bagi penjawat awam me-

nguasai ilmu pengetahuan yang luas dan bersikap terbuka dalam menghadapi arus perubahan," katanya.

Beliau menambah, kerajaan sentiasa komited dalam menyuburkan amalan inovasi dan penubuhan Agensi Inovasi Negara (AIM) iaitu salah satu agensi di bawah JPM telah menjadi pemacu kepada kejayaan amalan inovasi.

Kata beliau, pelbagai inisiatif dirancang bagi memastikan negara ini berada dalam landasan yang tepat ke arah menuju sebuah negara maju pada tahun 2020.

"Inovasi turut diperkenalkan melalui Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam sistem pendidikan negara bagi memberi pendedahan awal pembudayaan inovatif dan kreatif kepada generasi muda pada hari ini," katanya.



Perkembangan pesat teknologi maklumat, persaingan dalam iklim ekonomi yang semakin mencabar, jangkaan rakyat semakin tinggi telah memberi cabaran besar kepada kerajaan."

**NANCY SHUKRI**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri